LHDN
MALAYSIA

PERNYATAAN POLISI KONFLIK KEPENTINGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sentiasa komited dalam menerapkan dan memperkukuh nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi.

Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, pegawai LHDNM adalah dilarang:

1. Mengadakan hubungan peribadi secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pihak ketiga yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas rasminya.
2. Menggunakan kedudukan rasmi dengan membiarkan dirinya, saudaranya atau sekutunya berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi.
3. Terlibat dalam membuat keputusan bagi mana-mana mesyuarat, jawatankuasa atau urusan yang melibatkan LHDNM atas kapasiti tugas rasmi dengan mana-mana pihak yang mana saudaranya atau sekutunya memiliki kepentingan dengan pihak tersebut.
4. Menyalahgunakan kedudukan rasmi sebagai pegawai LHDNM untuk kepentingan peribadi, kewangan, anggota keluarga dan sekutu daripada mana-mana pihak ketiga.
5. Tidak amanah dan telus dalam melaksanakan tugas rasminya berdasarkan kepada Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan akta-akta lain yang berada dalam seliaan LHDNM, pekeliling-pekeliling dan arahan-arahan yang sedang berkuat kuasa.
6. Menyalurkan apa-apa maklumat rahsia, sulit dan terperingkat berkaitan LHDNM yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di LHDNM.
7. Menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan akaun peribadi dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di LHDNM.
8. Memberi atau menerima sebarang bentuk hadiah, keraian bersifat peribadi, imbuhan, suapan, yuran, komisen dan apa-apa barangan bernilai daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di LHDNM.
9. Membiarkan mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang yang diguna pakai di dalam Polisi Konflik Kepentingan LHDNM ini tanpa diambil tindakan undang-undang sewajarnya.

DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN
Pengerusi Anggota Lembaga
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
20 November 2024